

Pelaksanaan Identiti Digital Nasional

Bimbang data bocor tak berasas

PM mahu rakyat terima kenyataan negara harus maju seiring teknologi

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kebimbangan orang ramai dengan pelaksanaan Identiti Digital Nasional atau Digital ID seperti rekod peribadi dan perbankan akan terbocor serta cip diimplan dalam tubuh individu, adalah tidak berasas langsung.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam membicarakan soal transformasi digital, rakyat harus menerima kenyataan bahawa negara harus maju seiring perkembangan semasa termasuk penggunaan teknologi.

“Apa takut isu peribadi? Bank Negara Malaysia (BNM) tidak akan lepaskan rekod perbankan peribadi, jadi yang itu dikawal.

“Kemudian ada kata kononnya cip masuk dalam badan dan sebagainya, itu semua (akibat) tengok banyak sangat filem Hollywood,” katanya kepada media selepas membuat pendaftaran Digital ID di sini, semalam, menjadikan beliau individu pertama memiliki Digital ID berkenaan.

Digital ID adalah suatu bentuk pengenalan dan pengesahan diri individu secara digital, bakal dimanfaatkan sektor awam serta swasta untuk mengesahkan identiti pengguna ketika melakukan transaksi secara dalam talian.

Tanpa menggantikan sistem MyKad, Digital ID menjadi platform dipercayai dan selamat ser-



Anwar mendaftar diri dengan Digital ID di Bangunan Perdana Putra, semalam.

(Foto BERNAMA)

ta memudahkan pengesahan identiti dalam talian bagi mengelak penipuan identiti dalam urusan secara dalam talian.

Turut membuat pendaftaran Digital ID selepas Anwar adalah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Antara Jemaah Menteri yang turut mendaftar ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata, sebelum membuat sebarang komentar, seharusnya pihak terbabit mendapat penjelasan terlebih dulu daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) berhubung Digital ID supaya ia tidak menjejaskan keyakinan rakyat.

Tak paksa daftar

Menegaskan kerajaan buat masa ini tidak memaksa individu berdaftar dengan Digital ID, Anwar bagaimanapun menggalakkan penjawat awam keseluruhannya mendaftar kerana pemberian Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan segala bentuk penyarsaran subsidi akan disalurkan melalui Digital ID berkenaan.

Sementara itu, Ahmad Zahid Hamidi semalam, kembali bertugas dan menghadiri mesyuarat Kabinet dipengerusikan Anwar selepas tempoh berehat tamat susulan menjalani pembedahan baru-baru ini. BERNAMA